

**[EXPLORATION ELEMENTS OF TEACHING AIDS (BBM) THAT SUPPORT
TEACHING AND LEARNING (PDP) FOR TEACHERS AT MA'AHAD DAKWAH
DAR AL-ABRAR (MDDA)]**

**PENEROKAAN ELEMEN BAHAN BANTU MENGAJAR (BBM) YANG
MENYOKONG PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP) PARA GURU DI
MA'AHAD DAKWAH DAR AL-ABRAR (MDDA)**

MUHAMMAD ZIKIR BIN ROMLEE¹

MUHAMMAD MUSTAQIM BIN ROSLAN²

¹²Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)

Email: muhammadzikri06@gmail.com

Received: 8th October 2025

Accepted: 22nd May 2025

Published: 1st December 2025

ABSTRACT

Teaching Aids (BBM) are the main instrument in helping students understand and improve the effectiveness of teaching and learning (PdP) in the classroom, including at Ma'ahad Dakwah Dar al-Abrar (MDDA). However, the implementation of BBM in MDDA seems to have received less interest among teachers and the PdP system used in the classroom is still conservative. Teachers may not be exposed to the effectiveness of fuel as an instrument of PdP. Therefore, this article aims to analyze the elements of BBM that can support the PdP process of teachers in the classroom at MDDA. The philosophy behind this study is interpretive with a case study approach as a research strategy. The qualitative design was adapted in this study with a combination of document analysis methods and semi-structured interviews involving outstanding teachers and teachers at MDDA. Once the document data and interview data are obtained, the document content analysis method is used again in the process of analyzing these data where the results are categorized according to the thematic method. The findings show that there are five main elements of fuel that teachers need to apply in the process of integrating PdP in MDDA, namely, electronic fuel elements, non-electronic fuel, experiential fuel, fuel based on real materials from the environment and fuel from printed materials. An action plan is drastically needed by the administrator so that the PdP process at MDDA can produce students who are balanced in terms of cognitive, affective and psychomotor. Further studies are needed on the challenges that will be faced by teachers at MDDA after the PdP process is integrated with BBM instruments.

Keywords: *Teaching Aids (BBM), Classrooms, Instruments, Ma'ahad Dakwah Dar al-Abrar (MDDA), Teaching and Learning (PdP).*

ABSTRAK

Bahan Bantu Mengajar (BBM) merupakan instrumen utama dalam membantu pemahaman pelajar dan meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam bilik darjah termasuklah di Ma'ahad Dakwah Dar al-Abrar (MDDA). Namun begitu, pelaksanaan BBM di MDDA nampaknya kurang mendapat minat dalam kalangan guru dan sistem PdP yang digunakan dalam bilik darjah masih bersifat konservatif. Para guru mungkin tidak didedahkan dengan keberkesanan BBM sebagai instrumen PdP. Oleh yang demikian, artikel ini bertujuan untuk menganalisis elemen BBM yang mampu menyokong proses PdP para guru dalam bilik darjah di MDDA. Falsafah di sebalik kajian ini adalah interpretif dengan pendekatan kajian kes sebagai strategi kajian. Reka bentuk kualitatif diadaptasikan dalam kajian ini dengan gabungan kaedah analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur melibatkan para guru cemerlang dan guru-guru di MDDA. Setelah data dokumen dan data temu bual diperoleh, kaedah analisis kandungan dokumen digunakan sekali lagi dalam proses

menganalisis data-data ini yang mana hasilnya dikategorikan mengikut kaedah tematik. Dapatan menunjukkan terdapat lima elemen utama BBM yang perlu diterapkan oleh para guru dalam proses mengintegrasikan PdP di MDDA iaitu, elemen BBM elektronik, BBM bukan elektronik, BBM bercorak pengalaman, BBM berasaskan bahan sebenar dari alam sekitar dan BBM daripada bahan bercetak. Pelan tindakan diperlukan oleh pihak pentadbir secara drastik agar proses PdP di MDDA dapat melahirkan pelajar yang seimbang dari segi kognitif, afektif dan psikomotor. Kajian lanjutan diperlukan terhadap cabaran yang bakal dihadapi oleh para guru di MDDA setelah proses PdP diintegrasikan dengan instrumen BBM.

Kata kunci: Bahan Bantu Mengajar (BBM), Bilik Darjah, Instrumen, Ma'ahad Dakwah Dar al-Abrar (MDDA), Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).

PENGENALAN

Setiap kanak-kanak yang lahir di dunia ini berhak mendapat pendidikan dan pelajaran menurut kebolehan, bakat dan persediaan yang ada pada diri masing-masing (Abdullah al-Qari, 1993). Kepentingan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam konteks masyarakat berpengetahuan hari ini semakin meningkat, sejajar dengan perubahan dimensi dan inovasi dalam TMK. Berikutan itu juga, perkembangan pesat dalam pembangunan industri negara dan ledakan teknologi maklumat dapat membantu meningkatkan penggunaan teknologi inovasi dan konvensional ke arah memartabatkan sistem pendidikan bertaraf dunia dan pembangunan modal insan pelajar. Situasi ini menyaksikan perlunya kualiti dalam peningkatan infrastruktur sokongan yang berkesan dalam PdP melalui penggunaan BBM yang akan membuka ruang lebih luas kepada para guru untuk mengaplikasi segala teori, kemahiran dan kepakaran sedia ada. Penerokaan elemen bahan bantu mengajar (BBM) merupakan alat bantuan mengajar yang perlu digunakan oleh guru semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP). BBM merupakan bahan sokongan yang dapat membantu keberkesanan proses PdP selain cara penyampaian secara konvensional. Era kini, pelbagai perisian yang dapat membantu guru sejajar dengan kemajuan teknologi. Atan Long (1982) berpendapat bahawa BBM merupakan alat yang menyokong penyampaian pembelajaran dalam bentuk buku, carta atau slaid yang dipancarkan pada skrin. Islam meletakkan tanggungjawab besar kepada setiap pendidik yang terdiri daripada guru, ibu bapa atau ahli masyarakat untuk mengajar, membentuk dan memberi pendidikan kepada setiap insan bermula dari waktu ia dilahirkan lagi (Abdullah Nasih 'Ulwan, 1981).

Namun begitu, sistem pendidikan di Ma'ahad Dakwah Dar al-Abrar (MDDA) nampaknya masih kurang pendedahan terhadap BBM apabila kebanyakan para gurunya tidak menguasai teknik mengendalikan BBM di dalam kelas. Tahap persediaan guru di MDDA dalam melaksanakan sesuatu BBM masih lagi terdapat kekurangan kemahiran dan pengetahuan yang mencukupi. Faktor-faktor seperti bahan pengajaran tidak mencukupi, beban mengajar yang tinggi, kekurangan masa, tidak praktikal, tidak mahir membina bahan secara sendiri dan sumber kewangan tidak mencukupi merupakan beberapa halangan atau kekangan yang dihadapi oleh para pendidik untuk melaksanakan dan menyediakan BBM dalam PdP (Lai et.al., 2002). Para guru di MDDA masih mengamalkan kaedah pengajaran secara tradisional yang disifatkan sebagai pengajaran berpusatkan guru semata-mata seperti syarahan, hafalan, soal jawab dan perbincangan. Faktor lain yang menghadkan guru di MDDA menggunakan BBM adalah masalah kekurangan tempat atau ruang yang terhad untuk melaksanakan PdP. Ilias et.al (2013) turut menyokong bahawa faktor kemudahan yang menghalang untuk menggunakan BBM adalah dari segi masalah teknikal, tempat yang terhad dan kekurangan BBM.

Oleh yang demikian, artikel ini bertujuan untuk menganalisis elemen BBM yang mampu menyokong proses PdP para guru dalam bilik darjah di MDDA. Kajian ini penting dalam mencari elemen BBM bagi menyokong proses PdP di MDDA. BBM merupakan elemen utama yang menyokong kelancaran sesi PdP. Tambahan lagi, pentingnya penyelarasan BBM dengan keperluan semasa dan konteks komunikasi harian pelajar di MDDA menjadi suatu keutamaan. Para guru di MDDA perlu memberi pendedahan sebanyak mungkin tentang elemen BBM untuk meningkatkan prestasi pelajar di dalam bilik darjah. Secara tidak langsung keputusan peperiksaan setiap pelajar akan meningkat jika mengaplikasikan elemen BBM. Proses PdP yang menggunakan BBM sangatlah memberi kesan yang positif kepada diri pelajar (Amirudin. M.H. 2009). Namun, jika BBM tidak berkesan kepada pembelajaran, aspek ini perlu mendapat perhatian serius dalam meningkatkan mutu PdP dalam bilik darjah di MDDA. Sehubungan dengan itu, artikel ini akan menjawab satu persoalan sahaja, iaitu apakah elemen BBM yang mampu menyokong proses PdP para guru dalam bilik darjah di MDDA?

SOROTAN KAJIAN

Menurut Fink (1998) menyatakan bahawa sorotan kajian adalah suatu penelitian yang sistematik dan jelas untuk mengenali, menilai dan mentafsir hasil-hasil penulisan oleh penyelidik, cerdik pandai dan juga pengamal dalam bidang berkaitan dengan permasalahan yang akan dikaji. Pengkaji telah menyoroti beberapa kajian lepas yang berlegar di bawah skop penerokaan elemen BBM bagi mengukuhkan lagi perbincangan kajian. Pertamanya, penulis mulakan dengan kajian oleh Rabaah Abdullah, Wan Noorlizawati Wan Mat Ali dan Adnan Jusoh (2021), yang bertajuk *Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam Subjek Tema "Penjajahan di Asia Tenggara pada Abad ke-19"*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa berlaku peningkatan kepada tahap pemahaman dan pengetahuan pelajar melalui ketiga-tiga penggunaan BBM yang dinyatakan. Kajian ini mempunyai jurang yang besar dengan kajian pengkaji kerana perbincangannya adalah melalui tiga elemen sahaja iaitu video, artikel dan slaid *PowerPoint*. Adapun elemen-elemen yang lain tidak dibincangkan khusus dalam kajian ini.

Selain itu, kajian yang bertajuk "*Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Guru Pendidikan Khas dalam Meningkatkan Kemahiran Matematik Operasi Darab*", oleh Nur Hana Kamarudin, Khairul Farhah Khairuddin dan Ahmad Zamri Mansor (2022). Hasil daripada dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan guru dalam penggunaan BBM mempengaruhi peningkatan dalam kemahiran matematik operasi darab. Kajian ini dilihat membincangkan secara umum dan tidak berfokus pada elemen-elemen yang digunakan dalam BBM. Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Siti Fatimah Osman (2023) bertajuk "*Faktor Bahan Bantu Mengajar yang Menyokong Pengamalan Pemikiran Kritis Guru Pendidikan Islam dalam Meningkatkan Kemahiran Pembelajaran Abad Ke-21*". Dapatan daripada hasil kajian ini menunjukkan bahawa faktor BBM yang menyokong amalan pemikiran kritis guru pendidikan Islam (GPI) dalam meningkatkan kemahiran pembelajaran abad ke-21 (PAK-21) terbahagi kepada dua komponen utama iaitu BBM maujud dan BBM maya. Namun begitu, dua komponen BBM sahaja tidak mampu untuk menyokong PdP dalam subjek agama Islam seperti tauhid, tafsir, hadis dan seumpamanya sebagaimana kajian yang dilakukan oleh pengkaji.

Adapun kajian terakhir oleh Muhammad Amir Mirza Abdull Majid & Mohammad Taufiq Abdul Ghani (2024) mempunyai jurang kajian yang paling hampir dengan kajian pengkaji. Kajian ini bertajuk "*Penerokaan Elemen Bahan Bantu Mengajar Yang Menyokong Peningkatan Kemahiran Komunikasi Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Daerah Setiu, Terengganu*". Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga elemen utama yang menyokong bahan bantu mengajar dalam meningkatkan tahap komunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar iaitu ciri-ciri BBM, perancangan pembangunan BBM dan

keberkesanan BBM. Kesemua elemen yang diterapkan oleh guru dalam kajian ini paling hampir dengan kajian pengkaji atas beberapa ciri elemen dan selari dengan mata pelajaran di dalam proses PdP. Berdasarkan kajian-kajian lepas, penerokaan elemen BBM yang dibincangkan masih terdapat kekurangan dalam mengaplikasikan elemen-elemen BBM bertitik tolak dengan proses PdP di MDDA. Oleh yang demikian, ia membuka ruang kajian dalam artikel ini mempelbagaikan elemen-elemen BBM yang mampu menyokong PdP di MDDA.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi didefinisikan sebagai sistem yang merangkumi kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip yang digunakan di dalam sesuatu kegiatan. Tujuan metodologi adalah untuk menghasilkan kajian yang baik dan teratur. Manakala kajian dikatakan kegiatan iaitu usaha dan proses mengkaji tentang sesuatu isu berdasarkan data dan maklumat secara terperinci yang dikumpulkan dalam suatu jangka masa tertentu (Kamus Dewan Bahasa & Pustaka 2012). Justeru, falsafah interpretif diaplikasikan dalam kajian ini dan strategi kajian ialah kajian kes. Reka bentuk kualitatif diadaptasikan dalam kajian ini dengan gabungan kaedah analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur melibatkan para guru cemerlang. Kaedah temu bual separa berstruktur membolehkan individu yang ditemu bual sentiasa terpandu, merasa bebas, dan kemungkinan dapat mengutarakan beberapa isu baru yang sebelumnya tidak diketahui penyelidik serta mudah memahami fokus perbincangan yang diutarakan oleh penyelidik (O’Keeffe, Buytaert, Mijic, Brozovic dan Sinha, 2015).

Lima orang guru cemerlang dipilih bertujuan digunakan dalam kajian ini berdasarkan yang paling tepat serta memenuhi keperluan pengkaji. Kesemua sampel adalah daripada guru cemerlang Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Saffi (SMKSS) Simpang Empat, Perlis yang terlibat menentukan keberkesanan elemen-elemen BBM di dalam bilik darjah. Kemmis & McTaggart (2000) berpendapat objektif utama kajian kualitatif ialah membantu manusia memulihkan dan melepaskan mereka daripada situasi yang tidak jelas, tidak adil, tidak rasional berkaitan struktur sosial yang menyekat pembangunan dan kemajuan individu serta masyarakat. Hal ini menjadikan persampelan kajian merupakan elemen penting yang perlu difokuskan oleh pengkaji bagi mendapatkan data dan maklumat yang lebih tepat dan terperinci berdasarkan populasi kajian (Sabitha, 2006). Berikut adalah senarai informan yang menjadi peserta kajian ini:

Jadual 1: Peserta Kajian

Bil	Peserta Kajian	Butiran Informan
1.	Informan 1	Guru Cemerlang 1
2.	Informan 2	Guru Cemerlang 2
3.	Informan 3	Guru Cemerlang 3
4.	Informan 4	Guru Cemerlang 4
5.	Informan 5	Guru Cemerlang 5

Sumber: Olahan dari Perbincangan Kajian

Matlamat akhir persampelan bertujuan adalah untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan penemuan penyelidikan dengan memilih peserta yang paling relevan dengan soalan atau objektif kajian (Rahman, 2023). Setelah data dokumen dan data temu bual diperoleh, kaedah analisis kandungan dokumen digunakan sekali lagi dalam proses menganalisis data-data ini yang mana hasilnya dikategorikan mengikut kaedah tematik. Analisis paling biasa dan paling popular digunakan oleh pengkaji dalam penyelidikan kualitatif ialah berdasarkan tema dapatan kajian (Dawson C., 2002). Terdapat lima langkah dalam mengatur analisis tematik iaitu membuat transkripsi temu bual secara verbatim, membuat pengagihan soalan, membuat pengkategorian awal, mencari tema dan akhir sekali membuat koding (Mustaqim Roslan, 2024).

KONSEP BAHAN BANTU MENGAJAR (BBM) DAN SISTEM PENGAJARAN & PEMBELAJARAN (PdP) DI MA'AHAD DAKWAH DAR AL-ABRAR (MDDA)

BBM ditakrifkan sebagai segala kelengkapan yang digunakan oleh guru untuk membantunya dalam menyampaikan pengajaran. BBM merangkumi semua benda yang boleh dilihat, didengar, dipegang, dibaca, dikisahkan, dihidu, digunakan dan sebagainya (Nur Syafiqah & Nurul Nazirah, 2018). Pelajar-pelajar akan lebih tertarik jika didedahkan dengan perisian BBM yang membantu merangsang deria. Rangsangan pelajar akan lebih melonjak untuk mendapatkan maklumat dan info tentang pengajaran guru. BBM bukanlah merupakan sesuatu yang tersisih sifatnya daripada proses PdP (Noraziah Abdul Hamid 1982). Pelbagai faedah dan manfaat yang diperolehi jika guru-guru menggunakan BBM dalam PdP dan bukan hanya kepada pelajar sahaja bahkan kepada guru itu sendiri. Oleh yang demikian, pelbagai maklumat yang berguna diperolehi serta dapat meningkatkan pengetahuan semasa penyediaan BBM terhadap sesuatu topik yang akan diajari di dalam kelas. Justeru, guru dapat menghasilkan pelbagai BBM yang sesuai dan menarik serta dapat menjana idea yang bernas untuk menentukan aktiviti yang lebih kreatif dalam PdP (Noordin & Zainal Abiden, 2010).

Di samping itu, menurut Ragbir Kaur Joginder Singh (2013), BBM dapat menimbulkan minat dan kesungguhan dalam kalangan murid untuk terlibat secara langsung dalam pelaksanaan proses PdP di dalam bilik darjah. Perkara tersebut sejajar dengan konsep pembelajaran menurut Teori Pembelajaran Behaviorisme yang menegaskan bahawa pentingnya persekitaran yang menarik dalam melaksanakan proses PdP. Motivasi adalah pendorong murid yang dapat mempengaruhi pemikiran dan tindakan. Dalam hal ini, motivasi dalam kalangan murid menjadi kriteria penting dalam menentukan keberkesanan sesuatu proses PdP. Motivasi dalam kalangan murid membolehkan proses pembelajaran dan pemudahcaraan menjadi lebih efektif dan menarik. Oleh yang demikian, BBM merupakan salah satu medium untuk meningkatkan kemahiran pelajar di dalam bilik darjah. Menurut Atan Long (1982) pula, alat bantu mengajar terdiri daripada pelbagai bahan yang digunakan untuk membantu guru dan murid. Bahan ini diterbitkan dalam bentuk buku, carta, atau slaid yang ditayangkan pada layar. Bukan itu sahaja, beliau turut membahagikan alat bantu mengajar kepada tiga kumpulan iaitu alat pendengaran, alat pandangan dan alat pandang-dengar. Oleh itu, alat bantuan mengajar ini bukan sahaja tertumpu kepada penglihatan namun kepada semua yang dinyatakan oleh Atan Long (1982). Justeru, BBM dapat mengatasi pelbagai permasalahan PdP pelajar di MDDA yang berkaitan dengan pengajaran guru untuk meningkatkan kefahaman murid terhadap isi pelajaran yang disampaikan

Ma'ahad Dakwah Dar Al-Abrar (MDDA) merupakan institusi pengajian berkitab turath bertempat di Teluk Senangin, Lumut, Perak. Sistem persekolahan ini lebih ke arah sistem pondok. Menurut Aisyah & Roslan (2020) perkataan pondok berasal daripada Bahasa Arab "*funduq*" yang bermaksud kediaman sementara. Ia merangkumi sistem pentarbiyahan akhlak

yang lebih tertumpu kepada ilmu aqidah, tasawuf, nahu dan sorof, pengajian tafsir, pengajian hadith dan ilmu feqah. Tambahan pula seringkali kedengaran bahawa sebilangan ibubapa mengambil langkah menghantar anak-anak yang bermasalah ke sekolah pondok bagi memperbetulkan akhlak mereka (Wan Hassan 2019). Di MDDA pelbagai lapisan umur pelajar yang dihantar untuk mendalami ilmu agama dan fardhu ain. Setiap pelajar hendaklah mengikuti proses PdP sepenuh masa di MDDA kerana disediakan kemudahan asrama. Walaupun institusi pengajian pondok, bilik darjah mengikut tahap penilaian akademik pelajar tetap disediakan. Terdapat 4 bilik darjah yang dibahagikan iaitu kelas 'idadi, kelas 1, kelas 2, dan kelas 3. Penggunaan kitab bagi setiap kelas adalah berbeza tahap. Walaubagaimanapun jumlah mata pelajaran untuk setiap kelas adalah sama iaitu sebanyak 12 mata pelajaran. Selain itu, pengajian umum juga diwujudkan untuk semua pelajar dengan menggunakan kitab yang lebih umum seperti pengajian fardhu ain'. Tenaga pengajar di MDDA terdiri daripada enam orang guru yang mempunyai bidang pengkhususan masing-masing.


Guru-guru di MDDA melakukan PdP hanya berpusatkan pelajar sahaja. Kebanyakan mata pelajaran di dalam bilik darjah tertumpu pada satu bahan sahaja iaitu buku. PdP di dalam kelas hanya berlaku sebelah pihak sahaja iaitu guru. Guru hanya mensyarahkan maklumat yang terdapat dalam buku dan pelajar hanya membuat catatan. Semua peringkat kelas di MDDA berlaku proses PdP yang sama. Ruang dan peluang untuk pelajar mencuba menghuraikan sesuatu topik tidak diketengahkan. Lontaran idea dan pandangan hanya dari guru sahaja tidak merangkumi setiap pelajar. Rujukan guru dalam kelas ialah buku semata-mata maka maklumat yang diperolehi oleh pelajar sangat terhad. Setiap pelajar mempunyai cara penerimaan maklumat atau info yang berbeza. Penggunaan BBM juga terhad kerana ada guru yang tidak didedahkan dengan cara penggunaan BBM yang sesuai. Menurut Azhar Ahmad (2008) penggunaan BBM dan teknologi pengajaran merupakan aspek yang didapati masih kurang digunakan oleh guru dalam pembelajaran bahasa Arab di sekolah. Tugas yang guru berikan kepada pelajar hanya satu kaedah sahaja iaitu menggunakan buku latihan. Terdapat persepsi bahawa guru Pendidikan Islam kurang kreatif dalam pengurusan pembelajaran di dalam kelas seperti kurang kepelbagaian kaedah mengajar, kurang penguasaan ilmu dari sumber yang pelbagai, serta kurang prihatin kepada pelajar yang lemah (Syed Najmuddin, 2008).

Akibatnya, pelajar di MDDA tidak dapat menguasai PdP secara menyeluruh semasa penyampaian guru di dalam bilik darjah dilaksanakan. Metod yang diaplikasikan oleh para guru dalam PdP tidak membantu pelajar untuk meningkatkan prestasi pelajar. Oleh yang demikian, tahap penerimaan pelajar di MDDA kurang memuaskan jika dibandingkan guru-guru menggunakan BBM yang lebih menarik dan efektif. Kesannya pencapaian pelajar dalam keputusan peperiksaan tidak memuaskan. Menurut Abdul Razif Zaini et. al (2020), kreativiti dan kemahiran yang tinggi diperlukan oleh seorang guru dalam usaha mewujudkan pembelajaran Bahasa Arab lebih bermakna dan berkesan selaras dengan sistem pendidikan Malaysia serta keperluan para pelajar. BBM yang tepat mampu membina kefahaman dalam diri setiap pelajar untuk meningkatkan prestasi agar tidak tercicir semasa proses PdP. Penting untuk para guru di MDDA melakukan perubahan dalam proses PdP supaya melahirkan pelajar yang berkualiti. Menurut Ah Meng (2003) keupayaan guru dalam mencipta inovasi melalui BBM memberi kesan kepada prestasi akademik pelajar. Sehubungan itu, ia menjadi keperluan guru-guru di MDDA untuk melakukan tindakan sewajarnya dalam menyediakan BBM kepada para pelajar.

ELEMEN BBM YANG MAMPU MENYOKONG PROSES PDP PARA GURU DALAM BILIK DARJAH DI MDDA

Pelbagai elemen wujud di dunia ini dapat membantu proses PdP dalam bilik darjah. Menurut Dunn dan Dunn (1978), elemen-elemen yang mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar adalah seperti persekitaran, emosional, sosiologi, fizikal dan psikologi. Elemen persekitaran merujuk kepada cahaya, bunyi, suhu dan reka bentuk. Rangsangan emosional terdiri daripada elemen motivasi, tanggungjawab dan struktur. Elemen sosiologi terdiri daripada diri sendiri, berpasangan, berkelompok, atau bersama rakan sebaya atau orang dewasa. Seterusnya, elemen fizikal adalah seperti persepsi, makanan, minuman, waktu belajar, pergerakan dan elemen psikologi iaitu analitik/global, impulsif/reflektif, dominan otak kiri serta dominan otak kanan. Elemen BBM yang merangkumi semua sifat ini dapat menyokong proses PdP. Berbeza pula elemen-elemen BBM yang telah dikenal pasti dalam kajian ini yang boleh menyokong PdP di MDDA. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat lima elemen BBM yang mampu menyokong proses PdP para guru dalam bilik darjah di MDDA iaitu, elemen BBM bersifat elektronik dan bukan elektronik, BBM bercorak pengalaman, BBM berasaskan bahan sebenar dari alam sekitar dan BBM daripada bahan maujud. Berikut adalah dapatan umum terhadap elemen BBM yang mampu menyokong proses PdP dalam bilik darjah di MDDA:

Rajah 1: Dapatan Kajian Umum



ANALISIS ELEMEN BBM YANG MAMPU MENYOKONG PROSES PDP PARA GURU DALAM BILIK DARJAH DI MDDA

BBM elektronik

Menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2012) elektronik bermaksud cabang fizik dan teknologi yang berkaitan dengan gerak laku, pembangunan, aplikasi litar dan peranti elektronik. Teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) merangkumi pelbagai teknologi yang disepadukan untuk memperoleh, menyimpan, dan menyebarkan maklumat dalam pelbagai bentuk seperti teks, suara, imej, dan grafik, animasi dan sebagainya menggunakan alat-alat elektronik (Aliza, 2004). Dalam meniti arus kemodenan ini, pelbagai bahan elektronik yang mampu membantu para guru di MDDA dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) antaranya komputer, radio, projektor slaid, dan video. Dalam pada itu, alatan elektronik seperti komputer memberi kesan yang positif untuk melaksanakan proses PdP dalam bilik darjah di MDDA. Sebagai contoh, para pelajar di MDDA boleh menggunakan komputer untuk meneroka

maklumat dalam setiap mata pelajaran antaranya isu-isu dalam permasalahan feqah. Sumber-sumber hukum seperti pembatalan wudhu', syarat sah puasa bahkan hukum mentaati pemimpin boleh dicapai dengan cepat sekiranya menggunakan komputer untuk mencari solusi tersebut. Menurut Yakop (1985) kaedah PdP berbantuan komputer ini boleh digunakan untuk mengatasi masalah pelajar yang mempunyai kebolehan dan potensi yang berbeza. Dengan penggunaan komputer para pelajar akan lebih menjiwai dan memahami proses PdP di dalam bilik darjah.



Rajah 1: Komputer sebagai BBM Elektronik

Seterusnya, elemen BBM yang mampu menyokong proses PdP guru dalam bilik darjah di MDDA ialah radio. Menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2012) radio ialah pemancaran penghantaran, pengiriman, dan siaran bunyi menerusi udara. McLeish (1978;2005) menterjemahkan radio sebagai sebuah medium buta yang mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi pemikiran masyarakat. Fungsi radio dalam PdP mampu merangsang imaginasi menerusi suara juruhebah yang mengandungi kandungan emosi. Misalnya, terdapat segmen Islami yang dihidangkan dalam corong radio kini dan ia juga berkaitan dengan mata pelajaran tafsir al-Quran di MDDA. Segmen ibrah dari kisah-kisah dalam al-Quran mampu membuka ruang pemikiran dengan tafsiran yang menarik. Ilmu tafsir al-Quran yang dikupas mampu memberikan kesan kepada para pelajar jika mengambil manfaat dari radio. Para pelajar di MDDA juga boleh membuat penilaian sedikit sebanyak tentang ilmu akhlak yang dikongsikan dalam segmen bual bicara Islami. Menurut Jepun Nakamura (2013) bahawa dengan kehadiran pendigitalan ia merupakan petanda bahawa industri radio sedang berkembang pesat dengan peranan dan fungsi yang penting dalam membentuk cara masyarakat mengakses maklumat, pendidikan dan hiburan. Penggunaan dalam bilik darjah di MDDA akan menarik fokus pendengaran para pelajar untuk mencedok maklumat yang disampaikan dari dalam radio serta mampu menafsirkan mengikut silibus pengajian. Maklumat dari radio berfungsi dan berperanan sebagai pembimbing, pendakwah dan pendidik yang bertanggungjawab dalam kerangka mewujudkan masyarakat yang maju dan beradab (Marina Munira Mutalib, 2011).

Lain daripada itu, projektor slaid merupakan elemen BBM yang mampu menyokong proses PdP di MDDA. Menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2012) projektor ialah alat untuk menayangkan filem atau slaid pada skrin dan sebagainya. Projektor slaid adalah salah satu media yang biasa digunakan bagi tujuan menyampaikan PdP. Menurut Syaibani (1997) strategi dalam proses PdP yang berkesan adalah merujuk kepada strategi pemusatan guru, strategi pemusatan pelajar, strategi pemusatan bahan dan strategi berasaskan tugas. Contohnya, kepelbagaian animasi dalam slaid boleh digunakan untuk menjadikan setiap isi yang ingin disampaikan nampak menonjol bila guru di MDDA memulakan penerangannya. Antara subjek yang mampu membantu pelajar di MDDA ialah tajwid serta penulisan khat. Guru boleh menayangkan cara sebutan huruf yang tepat dan tempat keluarnya huruf ketika

membaca ayat suci al-Quran. Tambahan, aktiviti penulisan khat di MDDA akan mencapai tahap yang cemerlang jika didedahkan kepada penulisan khat yang pelbagai menerusi slaid tersebut. Penggunaan slaid projektor menjadi alat BBM sepenuhnya semasa melakukan proses PdP dalam kelas akan tetapi jika mengalami kerosakan terpaksa menggunakan cara lama semula (Rakiah Muda, 2024). Intihanya, para pelajar di MDDA akan lebih tertarik kepada subjek tersebut dan boleh memberi impak dialam pekerjaan kelak.



Rajah 2: Slaid Projektor sebagai BBM Elektronik

Di samping itu, elemen video adalah alat yang mampu untuk menyokong PdP di MDDA. Menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2012), video merupakan alat untuk merakam dan menayangkan filem dengan menggunakan pita video yang disalurkan melalui peti televisyen. Istilah pembelajaran berasaskan video merujuk kepada teknologi yang digunakan secara elektronik yang mengedarkan urutan gambar pendidikan yang memaparkan pemandangan dalam gerakan (Behesti,Taspolat,Kaya & Sapanca, 2018). Apabila para pelajar kelihatan sudah mula hilang fokus dan lenguh menulis atau bosan mendengar, lebih baik ditayangkan video pendek yang berkaitan dengan tajuk perbincangan (Aishah Aziz, 2024). Antara contoh, video perbualan dalam bahasa Arab jika dapat ditayangkan di dalam bilik darjah MDDA akan membantu para pelajar untuk berinteraksi dalam mata pelajaran *muhadasah*. Pengajian ini membicarakan tentang interaksi para pelajar di MDDA dalam bahasa Arab. Elemen video merangkumi isi pelajaran yang sesuai akan lebih dipraktikan oleh pelajar di MDDA seterusnya berkeyakinan untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab. Menurut Alobaid (2020) mendapati keberkesanan penggunaan video Youtube dalam pembelajaran bahasa telah banyak membantu murid untuk meneroka utama idea, menyusun idea, memilih perkataan yang tepat untuk membuat ayat. Tuntasnya, pelajar-pelajar di MDDA dapat mengaplikasikan secara menyeluruh dari kemahiran bertutur sehingga gerak geri badan yang tepat semasa melakukan pengajian tersebut. Tatabahasa dalam bahasa Arab secara tidak langsung akan bertambah jika para pelajar di MDDA mendalami video-video yang disediakan.



Rajah 3: Video sebagai BBM Elektronik

BBM bukan elektronik

Umum mengetahui bahawa BBM bukan elektronik adalah bahan pengajaran terawal yang digunakan oleh guru-guru sebelum wujudnya BBM bersifat elektronik. Antara BBM bukan elektronik ialah papan buletin, kad imbasan, gambar dan carta. Menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2012), buletin ialah laporan berita di radio atau televisyen atau pengumuman rasmi tentang sesuatu perkara yang dianggap penting kepada orang ramai. Misalnya, guru-guru di MDDA perlu menyediakan ruang rasmi untuk memaparkan tentang sesuatu yang berkaitan mata pelajaran di MDDA. Antara topik berkenaan adalah sirah Nabi Muhammad S.A.W. dan para sahabat. Ia perlu dipaparkan dalam struktur yang ringkas supaya para pelajar di MDDA mudah untuk mengingat sirah tersebut. Menurut Atan Long (1982) membaca melibatkan kebolehan mengenal lambang-lambang itu semula kepada bunyi bahasa dan memahami makna atau tanggapan yang disampaikan oleh tulisan itu. Demikian perlunya mewujudkan papan buletin dalam bilik darjah di MDDA supaya sumber dan maklumat yang ingin disampaikan oleh guru dapat dibaca berulang kali. Hal ini disebabkan pengajian sirah memerlukan kepada pengulangan maka papan buletin dapat dijadikan bahan rujukan yang awal. Menurut Susilana (2007:98) papan buletin memiliki banyak kelebihan sebagai berikut, tempat untuk memanjang hasil karya pelajar berupa benda, gambar, poster dan lain-lain sehingga dapat menimbulkan minat belajar dan berkarya. Demikian, para pelajar di MDDA boleh memaparkan hasil pengajian dalam subjek sirah untuk dijadikan bacaan umum.



Rajah 4: Papan Buletin sebagai BBM Bukan Elektronik


Begitu juga dengan kad imbasan, Menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2012) kad imbasan adalah kad yang diperlihatkan sebentar kepada pelajar untuk menguji kebolehan, kecekapan berfikir dan lain-lain. Kad-kad imbasan di dalam kelas bertujuan untuk merangsang pancaindera pelajar-pelajar untuk menghafal dan memahami isi pelajaran. Satu contoh yang boleh diaplikasikan di MDDA ialah menggunakan kad imbas dalam mata pelajaran tatabahasa bahasa arab iaitu nahu. Guru-guru di MDDA menguji para pelajar untuk memberikan jawapan berdasarkan imbasan dari kad tersebut. Kad imbas tergolong dalam BBM jenis visual iaitu bergambar atau bertulis (Dewi, 2020). Penggunaan kad imbas dalam proses PdP di MDDA secara langsung mampu menyokong pelajar untuk memahami penggunaan istilah bahasa Arab dengan cara melihat gambar dalam kad imbas kemudian menyatakan jawapan yang diperlukan. Seiring dengan mata pelajaran di MDDA antaranya Bahasa Arab dan nahu yang perlu kepada proses hafalan. Menurut Doman dan Doman (2006) bahawa kad imbas mampu membantu merangsang perkembangan minda bayi dan kanak-kanak tidak kira dari mana tahap umur sekali pun, melalui nilai keseronokan yang dibawanya. Ia akan membantu pelajar-pelajar lebih memahami sesuatu subjek apabila semua deria digunakan (Hayati Arifin, 2024).



Rajah 5: Kad Imbas sebagai BBM Bukan Elektronik

Selain itu, gambar menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2012) ialah lukisan atau foto orang yang kerjanya mengambil gambar. Makna lain ialah kisah keterangan, bayangan tentang sesuatu keadaan. Gambar akan membuatkan daya ingatan seseorang yang telah lupa boleh dikembalikan semula. Pemilihan gambar yang sesuai mengikut mata pelajaran dapat menyokong PdP para guru di MDDA. Terdapat banyak kaedah untuk menggunakan gambar sebagai BBM iaitu para guru di MDDA memberikan setiap pelajar helaian gambar yang dicetak. Sebagai contoh, dalam mata pelajaran *muthalaah* para pelajar perlu memberikan jawapan berdasarkan gambar yang dipaparkan. Guru juga boleh menayangkan gambar pada pancara skrin projektor. Tidak dapat dinafikan bahawa ilustrasi telah memainkan peranan penting dalam sejarah komunikasi manusia sebagai contoh, orang ramai mula menggunakan gambar sebagai cara menghantar dan menerima mesej sejak dahulu lagi (Samiya Naseer Al-Hinaai, 2021). Kenyataan tersebut dibuktikan dalam buku latihan para pelajar untuk menjawab soalan yang berkaitan. Menurut Gulcin Karaca & Ali Karakas (2011), penggunaan gambar dalam pendidikan bahasa asing akan menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan dan ilmu yang dipelajari dapat diingat dan difahami sepanjang hayat. Melalui gambar yang ditayangkan, ia akan membantu pelajar memahami sesuatu perkara dengan lebih jelas kerana melalui gambaran yang ditayangkan.

Carta juga mampu menyokong proses PdP di MDDA. Menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2012) carta ialah peta yang disediakan untuk membantu pelayaran atau penerbangan. Carta merupakan satu susunan maklumat yang sistematik. Mengandungi huruf, angka, gambar, jadual, gambar rajah, lakaran, nota ringkas, rangkai kata, simbol dan lukisan. Terdapat beberapa jenis carta boleh dipraktikkan oleh guru di MDDA antaranya carta organisasi, carta klasifikasi, carta masa, carta jadual, dan carta urutan. Misalnya, dalam mata pelajaran hadith di MDDA para pelajar didedahkan kepada rangkaian sanad yang sampai kepada Nabi Muhammad S.A.W. Susunan para perawi mengikut zaman dan masa dapat ditafsirkan melalui kaedah carta masa. Guru-guru di MDDA juga dapat menjelaskan sumber data tersebut melalui carta jadual. Dengan berbuat demikian, pelajar-pelajar di MDDA akan bertambah minat dan upaya untuk memahami subjek tersebut dengan cara yang mudah. Menurut Heinich, Molenda, Russell dan Smaldino (1999) carta adalah perwakilan visual untuk perhubungan abstrak dari segi kronologi, kuantiti, atau hierarki. Kesenambungan hadith mengikut turutan perawi dan zaman akan seronok untuk diterokai oleh pelajar-pelajar di MDDA dengan menggunakan kaedah carta ini.



Rajah 6: Carta sebagai BBM Bukan Elektronik

BBM bercorak pengalaman

Definisi pengalaman menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2012) ialah apa yang telah dialami, dirasakan, dan ditempuh. Elemen ini mampu menyokong PdP dalam bilik darjah di MDDA kerana pelajar dapat menyaksikan secara nyata tentang apa yang dipelajarinya. Pengalaman boleh dicapai melalui kaedah PdP di lapangan. Tamsilnya, pelajar-pelajar MDDA diberi peluang untuk menjalankan pengajian bagi mata pelajaran dakwah secara terus dilapangan. Maryam Afifah (2022) perkataan dakwah sebagai kegiatan memanggil, menyeru dan mendorong berbuat kebajikan dan mencegah perbuatan yang untuk memperoleh kebahagiaan di dunia dan akhirat. Guru perlu membekalkan kepada pelajar corak dan gaya yang sesuai untuk dipraktikkan di lapangan seandainya berhadapan dengan orang bukan Islam. Subjek dakwah yang dipelajari dalam bilik darjah di MDDA akan diaplikasikan oleh pelajar jika mereka dilepaskan di lapangan. Secara tuntas, pengalaman yang diberikan oleh guru kepada pelajar MDDA akan meningkatkan kualiti dalam menghuraikan mata pelajaran dakwah tersebut. Yusuf al-Qaradhawi (1983) dakwah merupakan satu usaha untuk menarik orang lain kepada agama Islam supaya dapat melaksanakan segala ketentuan dan petunjuk Allah SWT.



Rajah 7: PdP di Lapangan sebagai BBM Bercorak Pengalaman

Jika kita lihat dari sudut yang lain, berlakon ialah salah satu teknik yang mampu menyokong PdP para guru di MDDA. Kaedah lakonan akan mendidik para pelajar di MDDA untuk berinteraksi dan berkomunikasi. Ada pelbagai istilah lakonan digunakan di sekolah khususnya dalam kalangan pelajar antaranya ialah drama dan sketsa. Menurut Mana Sikana (1989) drama adalah sebuah pertunjukan atau perlakuan yang disengajakan oleh manusia untuk berhubung dengan manusia lain. Drama merupakan satu bentuk seni yang bersifat dramatik iaitu satu seni yang mengutamakan kesan dan tekanan emosi sebagai penambat. Antara contoh yang boleh diketengahkan oleh pelajar di MDDA adalah ketika mempelajari ilmu *at-tayyarat*. Ilmu ini akan membuka ruang pemikiran para pelajar tentang corak-corak pemikiran yang

bercanggah dengan ajaran Islam. Jadi melalui pentas lakonan seperti drama ini akan memberikan gambaran yang terperinci berkenaan sesuatu aliran pemikiran tersebut. Walaupun drama tidak popular untuk dijadikan bahan pengajaran berbanding novel, puisi dan cerpen, namun ia masih mempunyai keunikan tersendiri yang berpotensi luas sebagai wahana perkembangan sosial, intelek dan bahasan seorang pelajar dalam kemahiran bertutur (Kamarudin Husin, 1998).



Rajah 8: Drama sebagai BBM Bercorak Pengalaman

Selain daripada itu, sketsa menurut Safian (1988) ialah karangan pendek yang ditulis secara mudah dan menunjukkan kesatuan yang terdiri dari satu adegan, satu watak dan satu peristiwa. Dari segi plot dan perwatakan terdapat sedikit kekurangan kerana keterbatasan masa. Akan tetapi dapat mengaktifkan setiap pelajar untuk meringkaskan sketsa tetapi mesej tetap disampaikan kepada masyarakat. Sebagai contoh, pelajar-pelajar di MDDA perlu membuat persembahan hasil daripada mata pelajaran *insya'*. *Insya'* ialah penulisan karangan bahasa Arab sekaligus memberikan latihan kepada para pelajar MDDA untuk mempraktikkan dalam bentuk sketsa. Dalam masa yang sama, pelajar MDDA perlu menguasai teks-teks penulisan *insya'* untuk diterjemahkan dalam satu adegan dan watak. Menurut Noorzihan (2006), menegaskan belajar melalui pengalaman dan belajar melalui pemerhatian merupakan suatu kaedah yang dapat mencanai minda dan peribadi seseorang. Konklusinya, elemen lakonan ini dapat merancakkan proses PdP di MDDA kerana para pelajar akan bergiat lebih aktif untuk menghasilkan sesuatu tugas berdasarkan mata pelajaran dalam bilik darjah.



Rajah 9: Sketsa sebagai BBM Bercorak Pengalaman

Dari kaca mata yang lain, pendekatan yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. dan al-Quran terjemah dengan istilah bahawa kehidupan Rasulullah s.a.w. dan para sahabat merupakan satu proses pembelajaran dari pengalaman yang aktif. Baginda banyak menyampaikan ilmu melalui kegiatan harian para sahabat sama ada bentuk ibadat, muamalat, sosial, politik, undang-undang dan sejarah (al-Suyuti, al-Luhaimid, al-Bughawi 1989). Seperti yang sedia maklum, mata pelajaran usul fiqh di MDDA merupakan pengajian yang perlu kepada praktikal secara

terus. Lebih-lebih lagi untuk memutuskan sesuatu hukum mestilah dinilai daripada perbuatan atau tingkah laku. Sebagai contoh Rasulullah s.a.w. mengajar solat kepada para sahabat dalam bentuk yang sangat praktikal. Sebagaimana yang diceritakan dalam hadis bermaksud: "*Beliau mengatakan: "Solatlah kalian seperti kalian melihat aku solat. Maka jika waktu solat sudah tiba, hendaklah salah seorang dari kalian mengumandangkan azan, dan hendaklah yang menjadi Imam adalah yang paling tua di antara kalian."* (HR al-Bukhari 1994:595). Hadis di atas jelas bagaimana Rasulullah s.a.w. mengajarkan dengan menjadikan amalan solat sebagai amalan harian yang dipraktikkan secara terus oleh sekumpulan pemuda selama 20 hari dan 20 malam. Maka, jelaslah guru-guru di MDDA harus memberikan pengalaman yang seiring dengan proses PdP di dalam bilik darjah.

BBM berasaskan bahan sebenar dari alam sekitar

Definisi alam sekitar menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2012) ialah keadaan alam sekeliling. Oleh itu penggunaan BBM berasaskan bahan dari alam sekitar merupakan bahan yang boleh diperolehi dari apa sahaja bahan di sekeliling. Justifikasinya, benda bukan hidup adalah benda yang tidak mengalami proses hidup di mana ia tidak memerlukan makanan dan minuman. Ia tidak bernafas, tidak bergerak, tidak membiak serta tidak mengalami proses tumbesaran. Antaranya jam, kerusi, meja dan seumpamanya. Contohnya, para guru di MDDA mengaplikasikan elemen tersebut dalam mata pelajaran tauhid. Pelajar-pelajar dalam bilik darjah perlu mengambil kira semua makhluk yang ada di atas muka bumi ini adalah ciptaan Allah SWT. Sebaliknya, proses pembuatan seperti jam adalah cabang daripada ilmu Allah SWT. Justeru para guru perlu memilih bahan yang sesuai mengikut mata pelajaran yang ingin disampaikan. Guru di MDDA juga perlu bijak menyediakan pelbagai elemen benda bukan hidup yang boleh membantu guru untuk memudahkan proses PdP dengan lebih berkesan (Nur Syafiqah & Nazirah, 2018). Benda bukan hidup mampu membantu para guru dalam proses PdP kerana pelajar-pelajar dapat melihat dan menyentuh objek tersebut secara jelas untuk menggambarkan pegangan seseorang pelajar.

Selain itu, BBM yang mampu menyokong proses PdP di MDDA adalah benda buatan. Mah & Zulhumadi (2017) amalan ini dilakukan bertujuan untuk menghasilkan atau mengubah semula bahan-bahan buangan menjadi sesuatu produk atau barangan yang mempunyai nilai. Aktiviti ini perlu diberi tugas kepada para pelajar untuk dibahagi kumpulan. Bahan-bahan disediakan oleh guru bersumberkan bahan-bahan yang dikitar semula merangkumi di luar dan dalam kelas. Aspek tugas yang perlu diselesaikan oleh para pelajar adalah guru meminta pelajar menjelaskan ciri-ciri binaan yang dihasilkan. Penggunaan bahan tersebut sesuai diaplikasikan dalam subjek fiqh. Penyediaan bahan fizikal mampu mengekalkan tahap fokus pelajar di dalam bilik darjah malah para pelajar akan mudah ingat terhadap aktiviti yang mereka cipta sekaligus dapat memahami dengan baik akan pelajaran tersebut (Siti Zainab Md Saman, 2024). Sebagai contoh pelajar membina replika Ka'abah dan menghuraikan secara terperinci tentang cara melakukan ibadat haji dan umrah. Menurut Fasciato (2002) menjelaskan bahawa reka cipta bukan sekadar hanya menekankan aspek cita rasa yang baik, membeli secara bijak atau membina sesuatu yang lebih baik dan menarik tetapi ia lebih mengutamakan kepentingan untuk pelajar mengalami sendiri proses untuk mencapai sesuatu keputusan dan kaedah mengukur serta menilai kesesuaian keputusan tersebut.



Rajah 10: Benda Buatan sebagai BBM Berasaskan Bahan Sebenar Dari Alam Sekitar

Seterusnya, elemen BBM yang mampu menyokong proses PdP di MDDA adalah dengan menggunakan tumbuh-tumbuhan. Ia membantu para guru di MDDA menjelaskan dengan lebih terperinci penggunaan dalam subjek sorof. Ilmu ini akan membicarakan tentang bentuk dan pola perkataan jika situasi berubah. Contohnya, berkenaan ciptaan Allah SWT yang wujud di atas muka bumi. Ini kerana terdapat banyak ayat al-Quran yang menggambarkan kepelbagaian tumbuh-tumbuhan supaya manusia boleh mengambil manfaat. Hal ini dapat dibuktikan dalam surah al-An'am, Allah SWT berfirman yang bermaksud; *Lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu segala jenis tumbuhan, kemudian kami keluarkan daripadanya tanaman yang menghijau*" (QS al-An'am:7 : 99). Oleh itu, pelajar-pelajar di MDDA perlu mengenal pasti perkataan yang tepat sekiranya sesuatu tumbuhan atau benda berubah mengikut kuantiti. Menurut Sayed Jamily, (2000) seorang pakar biologist telah mengklasifikasikan bahawa terdapat lebih daripada satu juta jenis haiwan dan lebih tiga ratus ribu spesies tumbuh-tumbuhan di seluruh dunia.

Lebih-lebih lagi, elemen BBM seperti benda hidup juga mampu menyokong proses PdP di MDDA. Pelajar-pelajar akan lebih memahami jika dapat ditunjukkan contoh secara terus berdasarkan benda hidup seperti kucing, pokok, burung, manusia dan lain-lain. Salah satu peranan utama guru adalah untuk membantu pelajar mempelajari kosa kata (Nelson, 2008). Sebagai contoh untuk mata pelajaran bahasa Arab, guru akan memberikan penerangan tentang anggota tubuh badan manusia untuk memudahkan para pelajar di MDDA menghafal setiap anggota tersebut. Guru bahasa Arab perlu lebih yakin dan bebas memilih atau menggabungkan mana-mana kaedah yang dirasakan sesuai untuk dilaksanakan (Ahmad Kilani, 2001). Kaedah menggunakan tubuh badan manusia akan mempercepatkan proses menghafal dan tidak akan bosan. Elemen benda hidup yang lain juga perlu dimanfaatkan oleh pelajar-pelajar memudahkan proses menghafal. Menurut kajian Puteri Roslina Abdul Wahid & Nur Azimah Bukhari (2016) murid masalah pembelajaran lebih dipengaruhi oleh gaya pembelajaran visual diikuti oleh gaya pembelajaran kinestetik. Dengan ini, pelajar akan lebih teliti dengan melihat benda hidup sebelum melakukan proses menghafal.



Rajah 11: Benda Hidup sebagai BBM Berasaskan Bahan Sebenar Dari Alam Sekitar

BBM daripada bahan bercetak

Menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2012) bahan bercetak adalah bahan yang di cap tanda pada kertas atau pada kain menggunakan mesin. Ia juga boleh didefinisikan sebagai bahan yang mempunyai tulisan dan wujud secara fizikal, boleh disentuh dan dibaca secara terus. Oleh itu, penggunaan bahan bercetak merangkumi buku teks, nota edaran, surat khabar, dan majalah. Penggunaan buku teks dalam bilik darjah di MDDA merupakan sumber utama dalam subjek mahfuzat. Ilmu ini akan membincangkan bait-bait syair, puisi dan nasihat para ulama' yang akan membantu memperbaiki akhlak pelajar di MDDA. Pelajar-pelajar di MDDA perlu menghafal teks arab dan terjemahan supaya dapat memahami makna peribahasa tersebut. Menurut Yusuf Abdullah (2024) BBM berpanduan buku teks merupakan suatu alat atau bahan untuk bantu guru menyampaikan pengajaran di dalam atau luar bilik darjah. Oleh itu, guru yang mengajar perlu memahami terlebih dahulu dengan mendalam kandungan buku teks dan kurikulum sebelum ianya disampaikan kepada pelajar. Demikian buku teks harus dijadikan panduan dan rujukan utama dalam membuat kesimpulan terhadap sesuatu perkara. Sukar untuk mempertikaikan kepentingan buku teks dalam proses PdP (Hussein, 1985).

Selari dengan penggunaan nota edaran yang mampu menyokong proses PdP di MDDA. Mencatat nota merupakan satu kemahiran yang dapat meningkatkan pembelajaran pelajar di MDDA. Kemahiran ini digunakan sama ada dalam pembacaan atau belajar di dalam bilik darjah. Kemahiran mengambil nota berkesan untuk pembelajaran maklumat yang memerlukan pelajar mengesan dan melakukan proses ke atas idea-idea yang utama. Nota adalah bahan pembelajaran yang ringkas, padat, berkaitan dan sistematik. Menurut Yahya Othman (2003) kemahiran nota adalah merekod isi-isi penting atau maklumat yang diperoleh melalui kuliah, daripada buku ataupun daripada sumber lain. Misalnya, para pelajar akan mencatat nota ketika guru mensyarahkan sesuatu ayat al-Quran atau hadis. Subjek-subjek di MDDA seperti tajwid, nahu, sorof, balaghah mahupun sirah sememangnya menuntut para pelajar untuk menghasilkan nota peribadi. Kebiasaan pelajar akan menggunakan kertas kajang, kad manila yang dipotong pendek ataupun buku untuk membuat nota. Apabila membaca, pelajar-pelajar akan tertarik dengan bahan-bahan yang berwarna-warni. Menurut Baharin Abu, Othman Md Johan, Mohd Shafeq Syed Mansor dan Haliza Jaafar (2007) telah memperincikan kemahiran menulis nota merujuk kepada aktiviti pembelajaran yang melibatkan proses penyimpanan nota yang bersistematik untuk memudahkan diri sendiri semasa membuat ulangkaji pelajaran.



Rajah 12: Nota sebagai BBM Daripada Bahan Bercetak

Dalam pada itu, surat khabar bertindak sebagai elemen yang mampu menyokong proses PdP di MDDA. Surat khabar adalah sumber terbaik untuk maklumat dan evolusi dalam setiap bidang. Ia membantu untuk mengembangkan kemahiran untuk pemerksaan intelektual dan peribadi. Surat khabar memberikan penerapan pembacaan, pemikiran kritis, kemahiran analitik, dan kemahiran sintesis yang diperlukan untuk pemahaman (Dinesh Kumar, 2019). Contohnya, pelajar-pelajar di MDDA ketika mendepani subjek seperti ilmu tauhid, akhlak, tafsir, hadith, tayyarat di samping ilmu fiqih bahan bacaan dalam surat khabar akan membicarakan topik atau isu semasa yang layak untuk para pelajar mengetahui hal tersebut. Guru boleh memberikan tugas untuk pelajar-pelajar mencari isu agama seperti aliran sekular, hadis yang tidak sahih dan lain-lain untuk dibincangkan sekaligus membuat rumusan dari bacaan tersebut. Aktiviti yang boleh dianjurkan oleh guru di MDDA ketika membaca surat khabar adalah membahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan kecil dan minta mereka membaca artikel serta membina soalan berdasarkan artikel tersebut. Soalan yang dibina boleh dilontarkan kepada kumpulan yang lain. Sehubungan dengan itu, menurut Aliya (2017) semasa membaca, pelajar harus berfikir secara menyeluruh, memeriksa susunan fakta dan logik artikel dan meneroka alternatif untuk menjelaskan pandangan mereka.



Rajah 13: Surat Khabar sebagai BBM Daripada Bahan Bercetak

Akhirnya, elemen BBM yang mampu menyokong proses PdP dalam bilik darjah di MDDA adalah majalah. Menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2012) majalah adalah terbitan berkala yang mengandungi makalah, fiksyen, dan gambar foto. Oleh itu, penggunaan majalah di MDDA akan menarik perhatian pelajar kerana pengisian di dalam majalah merangkumi artikel dan gambar. Menurut Cullianan dan Person (2005) majalah memiliki keupayaan untuk “berkomunikasi” dengan keperluan kumpulan pembaca yang khusus, mengikat mereka dengan pengalaman, dan bertindak balas dengan pantas terhadap trend budaya. Tamsilnya, dalam subjek di MDDA terdapat topik-topik yang berkaitan PdP dalam

perbahasan majalah. Antaranya adalah topik berkenaan sirah Nabawiyah, ilmu ulum al-Quran, ulum al-Hadis, isu dalam dakwah, isu dalam fiqh serta aliran pemikiran semasa. Isu yang sering menjadi permasalahan harian seperti solat, membaca al-Quran boleh didapati solusinya jika para pelajar dan guru di MDDA menjadikan majalah sebagai rujukan sampingan. Perkongsian berkenaan sirah Nabi juga boleh dijadikan rujukan mengikut siri-siri yang diterbitkan. Artikel yang diterbitkan dalam majalah juga mempunyai keupayaan untuk berinteraksi dengan pembaca khususnya pelajar di MDDA serta mengikat mereka dengan pengalaman, kesetiaan dan jangkaan di samping bertindak balas dengan budaya. Sejarai dengan mata pelajaran di MDDA yang lebih fokus kepada majalah keislaman seperti majalah solusi, majalah al-Ustaz, majalah al-Islam, dan majalah dewan agama dan falsafah. Menurut Kamariah Kamarudin (2011:1) perkembangan kesusasteraan Islam di Malaysia bermula seawal 1970-an. Perkembangan ini telah melahirkan pelbagai karya yang berunsur Islam oleh penulis-penulis tempatan. Jadi banyak manfaat yang diperolehi oleh guru dan pelajar di MDDA jika menggunakan elemen seperti ini.



Rajah 14: Majalah sebagai BBM Daripada Bahan Bercetak

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, BBM merupakan kaedah yang diperlukan pada zaman serba canggih kini. Tahap pembelajaran kini di MDDA akan memberi kesan negatif jika guru-guru tidak mengubah corak PdP. Modul BBM yang boleh diwujudkan pada zaman teknologi kini mudah untuk diterokai berasaskan tahap pelajar di dalam bilik darjah. Kaedah PdP yang menarik akan menimbulkan minat pelajar untuk mendalami sesuatu mata pelajaran. Guru-guru perlu memainkan peranan sepenuh jiwa untuk memastikan proses PdP berkesan dalam kalangan pelajar. Namun begitu, pelaksanaan BBM di MDDA nampaknya kurang mendapat minat dalam kalangan guru dan sistem PdP yang digunakan dalam bilik darjah masih bersifat konservatif. Para guru mungkin tidak didedahkan dengan keberkesanan BBM sebagai instrumen PdP. Dapatan menunjukkan terdapat lima elemen utama BBM yang perlu diterapkan oleh para guru dalam proses mengintegrasikan PdP di MDDA seperti BBM elektronik dan bukan elektronik, BBM bercorak pengalaman, BBM berasaskan bahan sebenar dari alam sekitar dan BBM daripada bahan bercetak. Kajian ini mencadangkan supaya pelan tindakan diperlukan oleh pihak pentadbir secara drastik agar proses PdP di MDDA dapat melahirkan pelajar yang seimbang dari segi kognitif, afektif dan psikomotor. Oleh itu, kajian lanjutan diperlukan terhadap cabaran yang bakal dihadapi oleh para guru di MDDA setelah proses PdP diintegrasikan dengan instrumen BBM.

RUJUKAN

- Abd Samad, N., Wan Ahmad, W., M., R., Harun, H., Amiruddin, M., H., Hashim, S., Ja'apar, F., (2018a). Bahan bantu mengajar (BBM) dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) di sekolah menengah kebangsaan (SMK) daerah Pontian. <https://publisher.uthm.edu.my>
- Abd Samad, N., Wan Ahmad, W., M., R., Harun, H., Amiruddin, M., H., Hashim, S., Ja'apar, F., (2018b). Bahan bantu mengajar (BBM) dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) di sekolah menengah kebangsaan (SMK) daerah Pontian. <https://publisher.uthm.edu.my>
- Abd Samad, N., Wan Ahmad, W., M., R., Harun, H., Amiruddin, M., H., Hashim, S., Ja'apar, F., (2018c). Bahan bantu mengajar (BBM) dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) di sekolah menengah kebangsaan (SMK) daerah Pontian. <https://publisher.uthm.edu.my>
- Abdul Aziz, N., Ahmad, A., & Othman, N., (2024). Kekerapan Penggunaan Buku Teks dengan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Sekolah Rendah dalam Mata Pelajaran Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(1). <https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i1.2677>
- Abdullah, R., Mat Ali, W., N., & Jusoh, A., (2021a). Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam Subjek Tema "Penjajahan di Asia Tenggara pada Abad ke-19". *Jurnal Perspektif Jil. 13*(1) 1-13. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol13.1.1.2021>
- Abdullah, R., Mat Ali, W., N., & Jusoh, A., (2021b). Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam Subjek Tema "Penjajahan di Asia Tenggara pada Abad ke-19". *Jurnal Perspektif Jil. 13*(1) 1-13. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol13.1.1.2021>
- Abu, B., Md Johan, O., Syed Mansor, S., M., S., & Jaafar, H., (2007). Kepelbagaian gaya pembelajaran dan kemahiran belajar pelajar Universiti di Fakulti Pendidikan, UTM Johor. Research Vote No: 71881
- Abdul Majid, M., A., & Abdul Ghani, M., T., (2024a). Penerokaan elemen bahan bantu mengajar yang menyokong peningkatan kemahiran bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah di daerah Setiu, Terengganu. *Jurnal Pendidikan Bitara Upsi, Vol. 17*(1). <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.1.10.2024>
- Abdul Majid, M., A., & Abdul Ghani, M., T., (2024b). Penerokaan elemen bahan bantu mengajar yang menyokong peningkatan kemahiran bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah di daerah Setiu, Terengganu. *Jurnal Pendidikan Bitara Upsi, Vol. 17*(1). <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.1.10.2024>
- Abdul Hamid, B., Ali, M., N., Mohd Zahir, M., N., Ann, T., B., Arham, A., F., Madzen, A., A., Atan, K., M., Adriana, N., A., Sukri, A., & Khairodin, N., A., (2018). Sistem merit mahasiswa Rahim Kijai (SEMARAK): Tinjauan keberkesanan perlaksanaannya bagi sesi pengajian 2017/2018. *Prosiding Konvensyen Kepengetuaan dan Felo Penghuni Kolej Kediaman Universiti Awam Kebangsaan*. ISBN:e978-967-0829-97-5 <https://www.ukm.my/mapum/wp-content/uploads/2018/07/KERTAS-21.pdf>
- Abu Aman, A., & Baharudin, H., (2019a). Amalan pedagogi jurulatih utama bahasa Arab dalam pengajaran kosa kata peringkat Sekolah Kebangsaan di Negeri Melaka. *Global Journal Al-Thaqafah*, 9(1), 15–27. <https://doi.org/10.7187/GJATSI052019-2>
- Abu Aman, A., & Baharudin, H., (2019b). Amalan pedagogi jurulatih utama bahasa Arab dalam pengajaran kosa kata peringkat Sekolah Kebangsaan di Negeri Melaka. *Global Journal Al-Thaqafah*, 9(1), 15–27. <https://doi.org/10.7187/GJATSI052019-2>
- Abu, B., Md Johan, O., Syed Mansor, S., M., S., & Jaafar, H., (2007). Kepelbagaian gaya pembelajaran dan kemahiran belajar pelajar Universiti di Fakulti Pendidikan, UTM Johor. Latihan Ilmiah, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad, S., F., & Tamuri, A., H., (2010a). Persepsi guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi multimedia dalam pengajaran j-QAF. *Journal of Islamic and Arabic Education, Vol 2*(2), 53-64

- Ahmad, S., F., & Tamuri, A., H., (2010b). Persepsi guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi multimedia dalam pengajaran j-QAF. *Journal of Islamic and Arabic Education*, Vol 2(2), 53-64
- Ahmad Mustafa, A., F., K., Johar, S., & Mat Sulaiman, M., K., A., (2023a). Kajian kelebihan menggunakan ilustrasi sebagai bahasa visual dalam memahami UKBS 1984. *Jurnal Kejuruteraan SI*, 6(1), 183-196. [https://doi.org/10.17576/jkukm-2023-si6\(1\)-16](https://doi.org/10.17576/jkukm-2023-si6(1)-16)
- Ahmad Mustafa, A., F., K., Johar, S., & Mat Sulaiman, M., K., A., (2023b). Kajian kelebihan menggunakan ilustrasi sebagai bahasa visual dalam memahami UKBS 1984. *Jurnal Kejuruteraan SI*, 6(1), 183-196. [https://doi.org/10.17576/jkukm-2023-si6\(1\)-16](https://doi.org/10.17576/jkukm-2023-si6(1)-16)
- Ahmad Norizy, N., E., S., Mohd Razib, N., A., & Syed Hassan, S., N., (2023a). Keberkesanan aktiviti dakwah di masjid atau di atas talian: satu perbandingan. *Prosiding Kertas Kerja: Konvensyen Kearifan Nusantara Ke-4 (ARIF 2023)*. Fpqs usim. <https://fpqs.usim.edu.my/ms/e-proceeding/>
- Ahmad Norizy, N., E., S., Mohd Razib, N., A., & Syed Hassan, S., N., (2023b). Keberkesanan aktiviti dakwah di masjid atau di atas talian: satu perbandingan. *Prosiding Kertas Kerja: Konvensyen Kearifan Nusantara Ke-4 (ARIF 2023)*. Fpqs usim. <https://fpqs.usim.edu.my/ms/e-proceeding/>
- Ahmad, M., S., (2016). Nilai Islam dalam komik majalah dewan pelajar. (Ijazah Master Saster). Senat Universiti Putra Malaysia.
- Aisyah, A., (2024, November 6). (R. Zikri, Interviewer)
- Ali Husin, M., A., (2018). Konsep bahan bantu mengajar. *Cikguafzan96*. <https://cikguafzan96.blogspot.com/2018/04/konsep-bahan-bantu-mengajar.html>
- Amira, A., (2017a). Definisi bahan bantu mengajar. *Airamirasamsuri*. <https://airamirasamsuri.blogspot.com/2017/05/definisi-bahan-bantu-mengajar.html>
- Amira, A., (2017b). Definisi bahan bantu mengajar. *Airamirasamsuri*. <https://airamirasamsuri.blogspot.com/2017/05/definisi-bahan-bantu-mengajar.html>
- A. Rahaman, Z., & Abdul Rahim, A., (2021). Pengetahuan dan amalan kitar semula dalam kalangan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 6(25), 207-218.
- Awang, I., Abdul Rahim, R., A., (2006). Sorotan kajian lepas: Teori dan amalan dalam penyelidikan Islam. *Jurnal Fiqh*. 3
- Hamdan, R., (2011). Penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran kemahiran asas membaca di kelas pemulihan khas murid tahun tiga di daerah Kota Marudu. Tesis Sarjana. Universiti Utara Malaysia
- Hayati, A., (2024, November 5). (R. Zikri, Interviewer)
- Ibrahim, I., S., & Abdul Wahab, J., (2021). Peranan, kandungan & penyampaian radio dalam arus pendigitalan di Malaysia. *Jurnal komunikasi Borneo*, Vol8. <https://doi.org/10.51200/jkob.vi.2460>
- Ishak, H., Tamuri, A. B., Majid, R., & Bari, S. (2012a). Amalan Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran). *Journal of Islamic and Arabic Education*, 4(2) 12
- Ishak, H., Tamuri, A. B., Majid, R., & Bari, S. (2012b). Amalan Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran). *Journal of Islamic and Arabic Education*, 4(2) 12
- Ishak, N., & Khalid, F., (2021). Penggunaan video Youtube bagi meningkatkan minat dan pencapaian murid dalam pembelajaran Geografi fizikal di Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(3), 228-240.

- Jalal, F., & Omar, A., (2014a). Aktiviti lakonan murid bagi pemupukan nilai murni dan perpaduan kaum: analisis di Pekan, Pahang. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 6(2), 26–41.
- Jalal, F., & Omar, A., (2014b). Aktiviti lakonan murid bagi pemupukan nilai murni dan perpaduan kaum: analisis di Pekan, Pahang. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 6(2), 26–41.
- Jalal, F., & Omar, A., (2014c). Aktiviti lakonan murid bagi pemupukan nilai murni dan perpaduan kaum: analisis di Pekan, Pahang. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 6(2), 26–41.
- Jasmi, K., A., Lamat, M., Y., Muhammad, A., Mustari, M., I., Ismail, M., F., & Ilias, M., F., (2012). Aplikasi teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. *Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam (SEAPPI2012)*. Eprint. <https://eprints.utm.my/36412/>
- Jasmi., K, Azmi, (2012). Analisis data dalam penyelidikan kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 3 2012 at Felda Residence Tg. Leman, Mersing*, on 23-22 May 2012. Organized by Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim, pp 1-11
- Jasmi, K. A. (2013). Pembelajaran Aktif dalam Pendidikan Islam: Pengamalan Guru Cemerlang Pendidikan Islam (Active Learning in Islamic Education: Practicing Excellent Teacher of Islamic Education). *Seminar Perneriksaan Pengajaran Agama Islam di Malaysia (Seminar Empowerment Islamic Teaching in Malaysia)* at Main Hall of Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) on 24-25 September 2013, pp. 1-16.
- Johori, M., R., Daud, M., D., Sailin, R., Harun, N., & Ismail Rani, N., J., (2014). Radio negeri.fm: pemanfaatan radio sebagai medium pendidikan Islam tidak formal. *Jurnal penyelidikan dan inovasi, Bil 1*, 13-28.
- Kamarudin, N., H., Khairuddin, K., F., & Mansor, A., Z., (2022). Penggunaan bahan bantu mengajar guru pendidikan khas dalam meningkatkan kemahiran matematik operasi darab. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 7(1), 175-183. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i1.1249>
- Kamus Dewan Bahasa & Pustaka* (4th ed.). (2012). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Kaviza, M., (2019). Penjana kemahiran belajar dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah melalui Document Based Lessons. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 16 (7). 1-12.
- Madhie, N., S., Che Nan, N., H., Osman, K., Mokhtar, A., I., (2023a). Peranan institusi pondok dalam mengukuhkan kefahaman ahli sunnah wal jamaah. Seminar pengukuhan kefahaman ahli sunnah wal jamaah. University Kebangsaan Malaysia, 11 Julai 2023.
- Madhie, N., S., Che Nan, N., H., Osman, K., Mokhtar, A., I., (2023b). Peranan institusi pondok dalam mengukuhkan kefahaman ahli sunnah wal jamaah. Seminar pengukuhan kefahaman ahli sunnah wal jamaah. University Kebangsaan Malaysia, 11 Julai 2023.
- Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. (2011). Pengurusan Makmal Sains dan Sumber. Institut Pendidikan Guru. Kementerian Pendidikan Malaysia
- Mikdar, R., S. Anuar, N., A. Shakor, B., Hussain, O., Halimi, M., M. Hisyam, A., (2017). Flora dan Fauna dalam Al-Qur'an dan Al-Hadis, dalam Hussain Othman & Rosman Md. Yusoff (peny.), *Pendayaupayaan Bahasa, Agama dan Transformasi Masyarakat* (57-80). Batu Pahat, Johor: Penerbit UTHM.
- Mohd Yusof, N., F., Othman, M., F., Abd Hamid, M., A., Balwi, M., K., & Markom, M., N., (2022). Pengalaman pembelajaran informal dalam kalangan pekerja pejabat tanah di Kelantan. *Jurnal Kemanusiaan*, Vol 19 (1), 8-19

- Mohd Noor, N., H., & Fuzi, M., A., (2024) Teknik Persampelan & Penentuan Saiz Sampel bagi Penyelidikan Sains Sosial. 5th Kuala Lumpur International Conference on Management, Education and Technology. Kuala Lumpur, Malaysia: e-ISSN: 3030-6353
- Mohd Nawawi, M., Z., Hashim, A., & Muhamad, N., (2020). Integrasi penggunaan teknologi pelbagai media oleh guru pendidikan Islam di Maahad Yayasan Islam Kelantan. *Journal sains sosial dan pendidikan teknikal*, Vol1(1), 73-88
- Mohd Nawawi, M., Z., (2020). Tranformasi pengajaran dan pembelajaran multimedia dalam pendidikan Islam: satu perbincangan. *Journal of ICT in education (JICTIE)*, Vol.7(2), 14-26.
- Mohd Amin, N.,F., & Saud, M., S., (2008). Pelaksanaan kursus reka cipta : pengalaman pengajaran dan pembelajaran di UTM. *Seminar Penyelidikan Pendidikan Pasca Ijazah*, 25-27.
- Muda, R., Hock, K., E., & Razalli, A., R., (2023). Penggunaan aktiviti multisensory dalam pengajaran mengenal huruf murid masalah pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16, 77–91. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.sp.6.2023>
- Mustafa, S., E., & Sannusi, S., N., (2012). Majalah sebagai bahan bacaan kanak-kanak: analisis elemen editorial terhadap Kuntum, E-baca dan Ana Muslim. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 14(2). 55-65.
- Mustaqim Roslan, M. (2024). Kaedah Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan Kesannya Kepada Murid Tahap Satu: Analisis Subjek Pendidikan islam. *UMRAN*, 11(1), 63-78. <https://doi.org/https://doi.org/10.11113/umran2024.11n1.678>
- Omar, I., M., & Mamat, S., (2021). Tahap pengetahuan teknologi, kemahiran dan penggunaan TMK dalam pengajaran dan pemudahcaraan komsas guru bahasa Melayu di Kelantan. *Jurnal kepimpinan pendidikan*, Bil.8 (1)
- Osman, S., F., (2023) Faktor bahan bantu mengajar yang menyokong pengamalan pemikiran kritis guru pendidikan Islam dalam meningkatkan kemahiran pembelajaran abad ke-21. *Sains Insani 2023*, Volume 08 (1), 51-57
- Rakiah, M., (2024, November 5). (R. Zikri, Interviewer)
- Ramachindran, S., & Awang, M., M., (2023). Penggunaan Buku Teks Dan Hubungannya Dengan Amalan Nilai Patriotisme Dari Perspektif Murid. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1). <https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.1.60>
- Rusdiana, N., L., (2014). Penggunaan media papan buletin dalam pembelajaran IPS untuk meningkatkan hasil belajar siswa kelas IVA Sekolah Dasar. *Jurnal Mahasiswa Universitas Negeri Surabaya*, 2(1), 0-216.
- Rusli, N., E., & Mahamod, Z., (2023). Tahap kemahiran pedagogi, motivasi dan sikap guru-guru bukan opsyen bahasa Melayu di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. <https://spaj.ukm.my/jpbm>
- Sabri, M. S., Chendang, J., Hashim, M. F., Ruslan, M. A., Soimi, S. A., & Anuar, K. E. (2016/2017). Laporan Bahan Bantu Mengajar. Bmk3033. <http://bmk3033-keterampilan-membaca.blogspot.com/p/laporan-bahan-bantu-mengajar.html>
- Salleh, A., (2007). Keberkesanan kaedah pembelajaran berbantuan komputer (Penggunaan perisian power point interaktif) terhadap peningkatan penguasaan konsep Sains dalam tajuk sel untuk sains tingkatan satu. Latihan ilmiah. Universiti Terbuka Malaysia
- Saludin, M., R., (2012). Penghayatan drama di sekolah. *Jurnal Peradaban Melayu*, 7, 95–108.
- Selamat, S., & Abu Bakar, K., (2023a). Penerokaan amalan pengajaran dan pembelajaran menggunakan kad imbas terhadap kanak-kanak prasekolah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(3), e002180. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i3.2180>

- Selamat, S., & Abu Bakar, K., (2023b). Penerokaan amalan pengajaran dan pembelajaran menggunakan kad imbas terhadap kanak-kanak prasekolah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(3), e002180. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i3.2180>
- Siti Zainab, M., S., (2024, November 5). (R. Zikri, Interviewer).
- Tahajuddin, S., Mohd Kassim, A., W., Justine, J., & Ibrahim, S., (2021). Cabaran dalam proses kutipan data kaedah kualitatif ketika perintah kawalan pergerakan (PKP) dan pandemic covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 6,(9), 35-48. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i9.1034>
- Yusuf, A., (2024, November 6). (R. Zikri, Interviewer)
- Zaharon Lai, Z., S., & Rosli, A., N., (2021). Keberkesanan penggunaan video pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid tahun 6 semasa pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). *Journal of ICT in Education (JICTIE)*, 8(3), 76-99. <https://doi.org/10.37134/jictie.vol8.sp.1.7.2021>
- Zainuddin, A., R., Adnan, M., Z., & Omar, F., I., (2020a). Analisis keperluan pembaca terhadap kandungan akhbar dalam kalangan mahasiswa KUIS. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5(PASAK52020)*.Conference UIS. https://conference.uis.edu.my/pasak5/images/eprosidingpasak2020/062_ID022_Analisis_Keperluan_Pembaca.pdf
- Zainuddin, A., R., Adnan, M., Z., & Omar, F., I., (2020b). Analisis keperluan pembaca terhadap kandungan akhbar dalam kalangan mahasiswa KUIS. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5(PASAK52020)*.Conference UIS. https://conference.uis.edu.my/pasak5/images/eprosidingpasak2020/062_ID022_Analisis_Keperluan_Pembaca.pdf